

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KESEPULUH**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 29 Mei 2001**

**SOALAN**

YB Puan Siti Hawa @ Karimah Bt Mohd Nor minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan kenapakah berlakunya kelambatan penubuhan Mahkamah Keluarga dan apakah ia lebih baik daripada Mahkamah Syariah.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Kerajaan amat peka dan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat termasuk wanita. Sehubungan itu, antara usaha yang dijalankan adalah untuk mencapai penyelesaian kes kekeluargaan secara adil dan cekap. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga sedang menyediakan cadangan penambahbaikan kepada sistem dan peraturan pengendalian kes kekeluargaan yang sedia ada. Kelulusan pihak Perbendaharaan telah pun diperolehi pada 11 April 2000 untuk melantik perunding bagi membantu Kementerian melaksanakan usaha ini, termasuk mengkaji kemungkinan mewujudkan mahkamah yang mesra keluarga. Perkara ini perlu dipertimbangkan secara teliti kerana melibatkan undang-undang, agama, sosial dan sebagainya. Persoalan sama ada sebuah Mahkamah Keluarga adalah lebih baik atau tidak daripada Mahkamah Syariah tidak timbul kerana usaha yang dijalankan adalah untuk mempertingkatkan kecekapan jentera yang mengendalikan kes kekeluargaan melalui langkah yang telah dinyatakan. Di samping itu, usaha yang dijalankan oleh Kementerian juga bertujuan untuk saling memperlengkapkan usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi Kerajaan yang lain dalam memberikan perkhidmatan perundangan terbaik kepada keluarga.

